



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



Laporan Peperiksaan

STPM 2023



Tahfiz Al-Quran (932)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 217 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 82.49% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	21.66	10.60	14.75	8.29	12.90	5.07	9.22	5.53	0.46	3.23	8.29

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhan mutu soalan tahun ini adalah baik. Soalan yang dikemukakan sesuai untuk menilai calon kerana merangkumi pengujian tahap pengetahuan, pemahaman, kemahiran berfikir, aplikasi dan analisis. Soalan juga merangkumi tahap mudah, tahap sederhana dan tahap sukar, yang mana dapat menilai kemampuan calon dalam menghafal dan memelihara ayat-ayat al-Quran dengan disiplin diri serta menanamkan keyakinan bahawa memelihara dan menjaga hafazan ayat suci al-Quran adalah suatu kewajipan yang ada hubungan secara langsung kepada Allah SWT.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menjawab satu ayat sahaja dari awal juzuk enam. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan tepat dan baik kerana soalan adalah aras pertengahan. Walaupun begitu, terdapat sebahagian calon tersalah ayat dengan menambah ayat lain menyebabkan tidak mendapat markah.

Soalan 1(b) menghendaki calon menulis satu ayat daripada juzuk enam *maqra'* yang kelima. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul kerana soalan berada di *maqra'* yang sama. Namun begitu terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab soalan dengan baik kerana tidak dapat mengingat ayat yang terletak di bahagian bawah muka surat.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjawab soalan dari juzuk tujuh iaitu satu ayat daripada surah al-An'am awal *maqra'* 4. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjawab soalan juzuk tujuh iaitu satu ayat dari surah al-An'am, awal *maqra'* keenam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 2(c) Menghendaki calon menjawab soalan juzuk tujuh, menyempurnakan satu ayat dan menyambung ayat selepasnya surah al-An'am awal *maqra'* tujuh. Sebahagian calon mampu memberikan jawapan dengan tepat manakala sebahagian yang lain menjawab dengan kurang tepat kerana soalan ini berada pada awal *maqra'*. Terdapat calon yang tidak dapat menjawab dengan betul disebabkan tidak menumpukan ulangan hafazan kepada awal *maqra'*.

Soalan 3

Soalan 3(a) Menghendaki calon menjawab juzuk lapan ayat ketiga pada awal surah al-A'raf. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik kerana kedudukannya berada pada awal surah. Walaupun soalan ini agak mudah, namun terdapat calon yang tidak dapat menjawab dengan baik kerana terkeliru dengan nombor ayat.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjawab juzuk lapan dengan menyempurnakan satu ayat pada awal *maqra'* enam. Terdapat calon yang mendapat markah penuh untuk soalan ini. Hal ini mungkin disebabkan calon dapat menguasai hafazan dengan baik pada semua *maqra'* juzuk ini. Namun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab soalan ini kerana tidak fokus kepada awal *maqra'* yang akhir.

Soalan 3(c) menghendaki calon menjawab dua soalan yang mempunyai ayat yang seakan sama tapi hakikatnya adalah berbeza. Sebahagian calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat sebagaimana kehendak skema jawapan. Berdasarkan kehendak jawapan yang sebenar, calon perlu menjawab dua soalan yang berlainan. Sebahagian calon tidak peka bila dapat menjawab satu soalan sahaja kerana ayat yang agak sama pada permulaan ayat. Walau bagaimanapun masih ada calon yang dapat menjawab kedua-dua soalan yang agak sama ayat ini dengan baik dan tepat.

Soalan 4

Menghendaki calon menjawab satu ayat daripada awal juzuk dan awal surah. Soalan 4 ini merupakan soalan yang paling popular bagi calon. Kebanyakan calon mampu menjawab soalan dengan tepat, sebahagian kecil calon agak terkeliru dengan surah yang dijawab. Peruntukan markah keseluruhan untuk soalan ini agak besar iaitu sebanyak 10 markah. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon mampu mendapat markah penuh untuk soalan ini.

BAHAGIAN B: *Maharat al-Qiraat*

Soalan 5

Berdasarkan surah Al-Fatihah calon dikehendaki menjelaskan bacaan bagi *qurra'* tersebut:

- (a) Imam Nafi'
- (b) Imam Ibn Kathir

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana dapat menyatakan kalimah-kalimah yang menjadi *khilaf* dan bacaan bagi Imam Nafi' dan Imam Ibnu Kathir. Sebahagian jawapan calon tidak lengkap dan tidak menjawab dengan baik kerana hanya menandatangani cara bacaan bagi satu perawi sahaja bagi setiap Imam. Bahkan ada juga calon yang tersilap dengan menandatangani jawapan seperti:

- Imam Nafi' membaca dengan *silah* pada kalimah عَلَيْهِمْ sedangkan yang membaca *silah* adalah riwayat Qolun pada wajah yang kedua bukan riwayat Warsy.

- Imam Ibnu Kathir membaca dengan huruf *sin* pada kalimah **الصَّيْرَاطُ** dan **صَيْرَاطُ** sedangkan hanya riwayat Qunbul sahaja yang membaca dengan huruf *sin*. Sebahagian calon gagal menjawab soalan ini disebabkan mereka terkeliru *manhaj* bacaan Imam Hamzah dengan memberikan jawapan membaca dengan *isyman zai* pada kalimah **الصَّيْرَاطُ**.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menyatakan nama *qurra'* dan syarat bacaan *imalah* pada kalimah **النَّاسِ**. Kebanyakan calon tidak mampu menjawab soalan ini dengan tepat kerana tidak mengingati riwayat yang membaca dengan *imalah*. Diantara jawapan calon ialah seperti berikut:

- Imam yang membaca ialah riwayat Susi manakala syaratnya selepas huruf *alif* huruf seterusnya berbaris bawah dan huruf sebelumnya berbaris atas.
- *Qurra'* yang membaca *imalah* ialah Imam Duri dan riwayat Susi manakala syaratnya terletak pada surah al-Nas sahaja dengan menipiskan huruf *nun* apabila dibaca.

Sebahagian calon hanya mampu menjawab syarat bacaan dengan betul tanpa menyebutkan nama *qurra'* yang membacanya. Sebahagian kecil calon dapat menjawab dengan tepat dan memperoleh markah penuh bagi soalan ini.

Soalan 6(b) menghendaki calon memberi nama *qurra'* dan syarat bacaan *imalah ta' ta'nith* pada kalimah **الْحِجَّةِ**. Kebanyakan calon tidak mampu menjawab soalan ini dengan tepat kerana tidak mengingati riwayat yang membaca dengan *imalah*. Diantara jawapan calon ialah seperti berikut:

- *Qurra'* yang membaca *imalah* pada *ta' ta'nith* pada kalimah **الْحِجَّةِ** manakala syarat bacaannya ialah terdapat huruf *nun* yang *bersabdu* sebelum huruf *ta*.
- Nama *qurra'* yang membaca *imalah* adalah Imam Hamzah syaratnya membaca *ta ta'nith* apabila wakaf pada *ta marbutah*
- Nama *qurra'* yang membaca *imalah ta ta'nith* pada kalimah **الْحِجَّةِ** ialah riwayat Warsy dengan membaca *tathlis badal*.

Sebahagian calon ada yang menjawab syarat bacaan dengan betul tanpa menyebutkan nama *qurra'* yang membacanya. Hanya sebahagian kecil calon yang dapat menjawab dengan tepat dan memperoleh markah penuh bagi soalan ini.

Soalan 6(c) menghendaki calon menerangkan tiga perbezaan *manhaj* bacaan antara Imam al-Kisa'i dan Imam Abu Ja'far. Calon dikehendaki mendatangkan jawapan yang berbeza diantara *manhaj* kedua-dua imam ini, dan bukan kalimah-kalimah yang sama dari segi *manhaj* bacaannya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan tepat. Calon dapat membezakan *manhaj* bacaan Imam al-Kisa'i dengan Imam Abu Ja'far dengan mendatangkan perbezaan pada kalimah **مَلِكٍ** sama ada *diisbatkan* atau *dihazafkan* huruf *alif*, selain itu, ada calon menjawab dengan mendatangkan perbezaan dua imam tersebut pada bab *mad munfasil*. Sebahagian kecil calon tidak mampu menjawab dengan tepat seperti contoh berikut:

- Imam al-Kisa'i membaca dua *harakat* pada *silah ha dhomir* manakala Imam Abu Ja'far membaca dengan satu *harakat* pada *silah ha dhomir*.
- Imam al-Kisa'i membaca tanpa *dhommah* manakala Imam Abu Ja'far membaca dengan *dhommah*.
- Imam al-Kisa'i dan Imam Abu Ja'far membaca dengan *tawassut* pada *mad muttasil*.

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon perihalkan biodata ringkas Imam Abu 'Amr al-Basri. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian jawapan calon adalah tidak lengkap dan tidak menjawab dengan baik kerana hanya menandatangani nama gelaran, bukan nama sebenar menyebabkan calon kehilangan satu markah. Ramai calon menjawab seperti yang berikut dan diberikan satu markah.

- Beliau sangat mahir dalam ilmu al-Quran, bahasa arab, *thiqah*, *dhabit* dan amanah.

Terdapat calon yang kehilangan markah apabila hanya menjawab dua perawinya iaitu:

- Riwayat Al-Duri
- Riwayat Al-Susi

Soalan 7(b) menghendaki calon menyatakan maksud *idgham kabir* berserta dengan dua contoh kalimah yang dibaca oleh Imam Abu 'Amr al-Basri. Kebanyakan calon tidak mampu memberikan maksud *idgham kabir* ini dengan tepat kerana isi dan fakta penting. Diantara jawapan calon ialah seperti berikut:

- Maksud *idgham kabir* ialah dua huruf bertemu, di mana kedua-dua huruf tersebut merupakan huruf yang sama.

Untuk soalan nyatakan dua contoh kalimah *idgham kabir*, kebanyakan calon dapat menjawab dengan tepat.

Soalan 7(c) menghendaki calon membezakan dua *manhaj* bacaan kedua-dua perawi Imam Abu 'Amr al-Basri. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan tepat, perbezaan dua *manhaj* bacaan bagi riwayat al-Bazzi dan riwayat Qunbul. Namun terdapat juga calon menjawab dengan tidak menandatangani perbezaan, seperti riwayat Qunbul membaca dengan *silah mim jama'*.

Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon menyatakan cara *qurra' waqaf* pada kalimah لَا يُؤْمِنُونَ. Kebanyakan calon tidak mampu menjawab dengan betul kerana tidak mengingati para riwayat yang membaca secara *ibdal*. Antara jawapan calon yang tidak tepat:

- Riwayat Warsy membaca dengan *tashil*
- Imam hamzah membaca dengan *waqaf* tanpa *saktah*
- *Ibdal hamzah* pada kalimah لَا يُؤْمِنُونَ (tanpa menyebut nama riwayat)

Calon dikehendaki menandatangani jawapan yang berbeza di antara *manhaj* kedua-dua ini, dan bukan kalimah-kalimah yang sama dari segi *manhaj* bacaannya.

Soalan 8(b) menghendaki calon menjelaskan perbezaan *qiraat asyarah* pada kalimah سَدَّوْ مِنْ and سُنِّذَرَهُمْ لَا.

Untuk jawapan pada kalimah سَدَّوْ مِنْ

- Calon gagal mengingati imam-imam yang membaca *dhommah* pada huruf *sin*.
- Bagi calon yang menjawab riwayat Khalaf Hamzah membaca tanpa dengung pada huruf *wau* manakala baki *qurra'* membaca dengan *ghunnah* adalah tepat.

Untuk jawapan pada kalimah تُنذِرُهُمْ لَا

- Kebanyakan calon menjawab dengan tepat. Namun terdapat calon hanya menjawab riwayat Qalun sahaja yang membaca dengan *silah mim jama* yang menyebabkan calon ini kehilangan markah.

Soalan 8(c) menghendaki calon perihalkan biodata ringkas perawi Qunbul dan nyatakan dua *manhaj* bacaannya. Calon dapat menjawab dan menerangkan biodata riwayat Qunbul dengan tepat. Dua *manhaj* riwayat Qunbul juga dapat dijawab oleh calon kerana jawapannya tidak begitu sukar. Jawapan-jawapan calon ialah seperti yang berikut:

- *Mad muttasil* dibaca dengan empat *harakat*
- *Mad munfasil* dibaca dengan dua *harakat*
- *Mim jama* dibaca dengan *silah*

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 216 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 83.81% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	22.69	6.02	7.87	16.67	10.19	12.96	7.41	1.85	0.00	4.17	10.19

RESPONS CALON

Komen am

Pencapaian keseluruhan menunjukkan kebanyakan calon berada pada tahap yang baik. Calon dapat menguasai fakta dengan baik serta dapat menjawab soalan yang dikemukakan. Namun begitu, soalan berbentuk aplikasi yang memerlukan calon menghubungkan contoh yang diberikan dengan kaedah yang bersesuaian menyebabkan kebanyakan calon yang lemah tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Walaupun begitu, bagi calon yang cemerlang, mereka dapat menjawab soalan berbentuk aplikasi dengan baik sekaligus membantu mereka memperolehi markah yang tinggi.

Kebanyakan calon menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 4 bagi Bahagian A, manakala bagi Bahagian B kebanyakan calon menjawab soalan 5 dan soalan 7 dan bagi Bahagian C kebanyakan calon menjawab soalan 8 dan soalan 9. Terdapat juga sebahagian kecil calon tidak menjawab langsung soalan dalam Bahagian A iaitu Hifz al-Quran. Ini menyebabkan calon kehilangan markah yang banyak.

Dari segi kekuatan dan kelemahan, calon-calon agak lemah dalam menjawab ayat-ayat hafazan al-Quran serta mengemukakan hujah-hujah yang konkrit. Sebahagian calon tidak dapat mengingat dan mengeluarkan idea yang baik dan bernas. Keseluruhannya calon tidak dapat menulis jawapan dengan baik. Ramai calon yang terkeliru dan tidak mampu menjawab soalan fakta dengan tepat. Sebahagian calon tidak dapat menulis contoh-contoh dan keadaan pada kalimah dengan tepat. Ini menyebabkan mereka kekurangan pada markah yang memerlukan contoh. Ini juga menyebabkan kekurangan markah pada soalan tersebut.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Menghendaki calon menyambung ayat 26 hingga ayat 30 dalam surah Maryam. Sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Manakala sebahagian calon menjawab dengan baik dan mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

فَأَمَّا تَرَيْنَ مِنَ الْبَشَرِ أَحَدًا فَقُولِي إِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ الْيَوْمَ إِنْسِيًّا ﴿٦١﴾ فَأَتَتْ بِهِ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُ قَالُوا يَمْرُؤُا لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا فَرِيًّا ﴿٦٢﴾ يَا أُخْتُ هَرُونَ مَا كَانَ أَبُوكَ أَمْرًا سَوِيًّا وَمَا كَانَتْ أُمُّكَ بَغِيًّا ﴿٦٣﴾ فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْمَهْدِ صَبِيًّا ﴿٦٤﴾ قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ ءَاتَنِي الْكِتَابَ

Soalan 2

Menghendaki calon menyambungkan firman Allah SWT dalam surah al-Nur, ayat 44 hingga ayat 47. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat juga calon yang langsung tidak menjawab soalan ini. Ini mungkin disebabkan calon tidak mengingati ayat ini dengan baik. Antara jawapan yang kurang tepat, calon hanya menjawab beberapa kalimah ayat al-Quran di awal tanpa melengkapkan jawapan dengan sempurna. Bahkan terdapat calon yang agak keliru dengan menjawab jawapan yang tidak tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

يُقَلِّبُ اللَّهُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ ﴿٤٤﴾ وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّن مَّاءٍ فَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَى بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَى رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَى أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾ لَقَدْ أَنْزَلْنَا آيَاتٍ مُّبِينَاتٍ وَاللَّهُ يَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾ وَيَقُولُونَ ءَأَمَنَّا بِاللَّهِ وَبِالرَّسُولِ وَأَطَعْنَا ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ مِّن بَعْدِ ذَلِكَ وَمَا أُولَٰئِكَ بِالْمُؤْمِنِينَ

﴿٤٧﴾

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyempurnakan ayat 36 dan ayat 37 dalam surah al-Naml. Kebanyakan calon tidak mendapat markah penuh pada soalan ini. kebanyakan calon cenderung membiarkan kosong tanpa sebarang jawapan. Di samping itu, terdapat juga calon yang menjawab dengan ayat-ayat lain yang menyebabkan mereka tidak memperolehi sebarang markah. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

فَمَاءَ آتَنَاهُ اللَّهُ خَيْرٌ مِّمَّا ءَاتَاكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بِهَدِيَّتِكُمْ تَفْرَحُونَ ﴿٣٦﴾ أَرْجِعْ إِلَيْهِمْ فَلَنَأْتِيَنَّهُمْ بِجُنُودٍ لَّا قِبَلَ لَهُمْ بِهَا وَلَنُخْرِجَنَّهُمْ مِنْهَا أَذِلَّةً وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٣٧﴾

Soalan 3(b) menghendaki calon menulis tiga ayat terakhir daripada juzuk 19 bermula dari ayat 53 hingga ayat 55 dalam surah al-Naml. Secara umumnya, hampir semua calon tidak mampu menjawab soalan ini secara tepat. Ini adalah kerana calon tidak mengingati ayat ini dengan baik. Selain itu kelemahan calon yang paling ketara ialah tidak dapat menyambung ayat ini dengan betul tetapi mengemukakan ayat-ayat lain sebagai jawapan. Namun terdapat segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

وَكَا نُوا يَتَّقُونَ ﴿٥٣﴾ وَلَوْ طَآ إِذْ قَال لِقَوْمِهِ ءَاتَا نُوا فَلَاحِشَةً وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٥٤﴾ أَيُّكُمْ لَتَأْتُوا الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ يَّجْهَلُونَ ﴿٥٥﴾

Soalan 4

Menghendaki calon menulis lima ayat dari awal surah al-'Ankabut. Hanya sebahagian calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang menukar jawapan dengan awal surah lain seperti awal surah al-Anbiya' atau awal surah al-Mukminun dan ada juga calon yang terkeliru dengan ayat-ayat *mutasyabihat*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

الْعَرَّ ۝ أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ۝ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا
وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ ۝ أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ أَنْ يَسْفِقُونَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ۝ مَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ اللَّهِ فَإِنَّ أَجَلَ
اللَّهِ لَآتٍ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝

BAHAGIAN B: *Maharat al-Rasm*

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menyatakan maksud *al-Rasm*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat sebahagian calon memberikan jawapan yang tidak memenuhi kehendak soalan dengan baik seperti "*al-Rasm* ialah tulisan". Jawapan yang sepatutnya adalah *al-Rasm* dari segi bahasa ialah *atsar* (kesan atau khat (tulisan)).

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan dua perbezaan antara *al-Rasm al-Uthmani* dan *al-Rasm al-Qiyasi*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan calon yang menyimpang daripada kehendak soalan adalah "terdapat penambahan huruf *ziyadah* pada *al-Rasm al-Uthmani* dan tiada penambahan huruf *ziyadah* pada *al-Rasm al-Qiyasi*" dan "terdapat huruf yang diganti (*ibdal*) pada *al-Rasm al-Uthmani* dan tiada penggantian pada *al-Rasm al-Qiyasi*", Terdapat juga sebahagian calon yang menjelaskan setiap kaedah *al-Rasm al-Uthmani* secara terperinci dan menambah tiada kaedah yang sama dalam *al-Rasm al-Qiyasi* dan ada juga calon yang tidak membuat perbezaan yang setara antara kedua-dua *al-Rasm*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti, *al-Rasm al-Uthmani* ialah kaedah-kaedah penulisan al-Quran yang telah ditetapkan pada zaman khalifah Uthman contoh kaedah *al-Ziyadah*. Sementara *al-Rasm al-Qiyasi* ialah menggambarkan lafaz dengan menggunakan huruf *hijaiyyah* seperti huruf *nun* ditulis dengan ejaan *nun wau nun*. *Al-Rasm al-Uthmani* juga merupakan kaedah penulisan al-Quran yang digunakan semenjak zaman Rasulullah SAW. Sementara *al-Rasm al-Qiyasi* merupakan kaedah yang muncul pada zaman *tabi'in*.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menyenaraikan tiga daripada jenis *al-Ziyadah* dan dua jenis *hamzah*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian besar calon memberikan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan seperti dua jenis *hamzah*, kebanyakan calon menjawab perihal kaedah peletakan kedudukan *hamzah* sebagai contoh *hamzah* di awal kalimah, *hamzah* di tengah kalimah dan *hamzah* di akhir kalimah. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti, *hamzah wasal* dan *hamzah qata'*.

Soalan 6(b)(i) menghendaki calon menyatakan jenis penulisan *hamzah* dalam kaedah *al-Rasm al-Uthmani*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. kebanyakan calon hanya menjawab "di awal kalimah, di tengah kalimah dan di akhir kalimah" hal ini menyebabkan calon tidak

boleh mendapat markah maksimum seperti yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti, *hamzah wasal* di awal kalimat dan *hamzah qata'* di awal kalimat, di tengah kalimat dan di akhir kalimat.

Soalan 6(b)(ii) menghendaki calon menyatakan nama pelopor bagi peletakan baris dalam ilmu *al-Rasm*. Sebahagian calon dapat memberikan nama yang tepat. Namun sebahagian calon gagal menyatakan nama yang tepat. Walau bagaimana pun, majoriti calon dapat menjawab dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah pelopor kepada peletakan tanda baris ialah Khalil bin Ahmad al-Farahidi.

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menjelaskan satu keistimewaan *al-Rasm al-Uthmani* terhadap umat Islam. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian besar calon memberikan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan seperti tidak memfokuskan kepada kesan terhadap umat Islam, kebanyakan calon memberikan keistimewaan kaedah *al-Rasm al-Uthmani* seperti kaedah *al-Hazaf*, kaedah *al-Ziyadah* yang tiada kaitan dengan keistimewaan khusus kepada umat Islam. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Mudah mengingati bentuk bacaan. Seperti baris *tanwin* yang berbeza dapat menentukan bentuk bacaan sesuatu hukum tajwid, sama ada dengung atau pun tidak. Begitu juga tanda waqaf diletakkan di tempat yang sesuai untuk panduan pembaca.
- Mengajar kepada umat Islam cara bacaan al-Quran yang betul ketika *waqaf* dan *ibtida'* pada kalimat al-Quran.
- Memberi kesedaran kepada umat Islam mengenai kebesaran dan kekuasaan Allah.
- Menjaga bacaan pada kalimat yang terdapat pelbagai *qiraat* tidak dikaitkan dengan *ziyadah*, *hazaf*, *ibdal* dan sebagainya.
- Mengelakkan daripada berlakunya perpecahan kerana meraikan kepelbagaian cara bacaan.

Soalan 7(b) Menghendaki calon menukarkan kalimat yang diberikan (فسلوهن مئة، الليل، نجي)، kepada kaedah penulisan *al-Rasm al-Uthmani* serta menyatakan bentuk kaedah *al-Rasm al-Uthmani*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan calon yang tidak lengkap daripada kehendak soalan adalah calon hanya menyatakan bentuk kaedah *al-Rasm al-Uthmani* tanpa menukarkan kalimat kepada penulisan *al-Rasm al-Uthmani*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

نَجِي	<i>Hazaf</i> (pembuangan) huruf <i>nun</i>
الليل	<i>Hazaf</i> (pembuangan) huruf <i>lam</i>
مائة	<i>Ziyadah</i> (penambahan) huruf <i>alif</i>
فسلوهن	<i>Al-Hamz</i> (penulisan huruf <i>hamzah</i>)

BAHAGIAN C: *Dhabt al-Quran dan al-Fawasil*

Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon menyatakan lima jenis tanda *al-Dhabt* dalam al-Quran. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian besar calon memberikan jawapan menepati kehendak soalan. Namun terdapat sebilangan kecil yang kurang tepat memberikan jawapan seperti, hanya menyatakan jenis *waqaf* (tanda berhenti) iaitu *waqaf jaiz*, *waqaf awla* dan sebagainya menyebabkan mereka tidak memperoleh markah yang baik. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- *Harakah* (tanda baris *fathah*, *kasrah* dan *dhammah*)
- *Sukun*
- *Syiddah*
- *Mad*
- *Al-Hamz*
- *Al-Waqf*

Soalan 8(b) menghendaki calon menjelaskan kronologi sejarah peletakan *nuqat al-I'jam*. Majoriti calon dapat menjelaskan soalan ini dengan tepat. Namun terdapat juga calon yang tidak dapat menyatakan secara jelas kronologi sejarah dengan memberikan nama perseorangan yang salah. Sebilangan calon yang lain juga keliru dengan menjelaskan kronologi sejarah *nuqat al-I'rab*. Hal ini menyebabkan calon tidak boleh mencapai markah maksimum seperti yang diperuntukan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Apabila berlaku banyak pembukaan negara-negara Islam, maka bertambahlah jumlah orang-orang bukan Arab menganut agama Islam.
- Hal yang demikian menyebabkan berlakunya perubahan/kesalahan dalam bahasa Arab sehingga ditakuti akan memberi kesan negatif dalam bacaan al-Quran.
- Oleh kerana itu, Abd al-Malik bin Marwan telah memerintahkan al-Hajjaj bin Yusuf Al-Thaqafi untuk membendung permasalahan dan mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut.
- Al-Hajjaj telah memilih Nasr ibn 'Asim dan Yahya bin Ya'mar yang merupakan ulama yang terkenal dengan kepakaran masing-masing dalam bidang qiraat dan bahasa Arab.
- Mereka melaksanakan tanggungjawab meletakkan tanda-tanda *nuqat al-I'jam* dalam ayat-ayat al-Quran. Maka bermulalah peletakan tanda *nuqat al-I'jam* dalam mashaf al-Quran.

Soalan 9

Soalan menghendaki calon membincangkan empat implikasi negatif yang akan berlaku terhadap masyarakat sekiranya ilmu yang berkaitan dengan *al-Fawasil* ini diabaikan. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian besar calon memberikan jawapan menepati kehendak soalan. Namun terdapat sebilangan kecil yang kurang menepati dari kehendak soalan seperti "masyarakat tidak akan mendapat pahala sekiranya membaca tanpa mengetahui ilmu *al-Fawasil* dan tanda *al-Rasm al-Uthmani*. Hal ini menunjukkan calon masih keliru di antara *al-Dhabt* dan *al-Fawasil*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Tidak dapat membaca al-Quran dengan sempurna. Sekiranya seorang pembaca tidak mengetahui *fasilah* sesuatu ayat, maka boleh jadi ia akan memutuskan bacaannya pada sesuatu kalimah yang tidak sesuai atau tergantung maknanya. Sekiranya itu berlaku, maka bacaannya akan menjadi salah dan hilanglah kesucian dan kemuliaan al-Quran.

- Boleh menyebabkan solat terbatal. Para *fuqaha'* telah menyatakan bahawa seseorang yang tidak menghafaz surah al-Fatihah, ia harus menggantikannya dengan tujuh ayat yang lain. Oleh itu, sekiranya seseorang itu tidak mengetahui penghujung sesuatu ayat, maka sudah tentulah ia tidak dapat menentukan tujuh ayat tersebut.
- Boleh menyebabkan khutbah tidak sah. Berpandukan mazhab al-Syafi'i, sunat membaca sekurang-kurangnya satu ayat yang panjang atau tiga ayat yang pendek seperti surah al-Kauthar. Oleh itu, sekiranya seseorang pembaca tidak mengetahui kedudukan penghujung sesuatu ayat, maka ia boleh menyebabkan bacaan khutbah tidak sah.
- Tidak mengetahui tempat-tempat yang disunatkan *waqaf*. Para ulama sepakat mengatakan bahawa *waqaf* di penghujung sesuatu ayat adalah merupakan sunnah kerana ia adalah merupakan perbuatan Rasulullah berdasarkan sebuah hadis bermaksud: Sesungguhnya Nabi SAW memutuskan (mewaqafkan) bacaannya satu ayat satu ayat.
- Kesimpulannya ilmu *al-Fawasil* sangat perlu dipelajari serta difahami untuk mengelakkan implikasi negatif yang akan berlaku dalam masyarakat.

Soalan 10

Soalan 10(a) menghendaki calon menyatakan empat kaedah untuk menentukan sesuatu *fasilah*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon memberikan jawapan menepati kehendak soalan. Namun terdapat sebilangan kecil yang hanya memberikan beberapa kaedah dan menyebabkan mereka tidak memperoleh markah yang baik. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Persamaan ayat antara sebelum dan selepasnya dari sudut panjang dan pendeknya.
- Persepakatan ulama mengirinya sebagai satu ayat.
- Terputus *kalam* (kata-kata) pada ayat tersebut.
- Persamaan *wazan* di akhir sesuatu ayat dengan ayat selepasnya.
- Persamaan huruf akhir ayat.

Soalan 10(b) mengkehendaki calon memberikan perbezaan antara *al-Fawasil al-Muthamathilah* dengan *al-Fawasil al-Mutaqaribah* berserta contoh. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat sebilangan kecil yang dapat menjawab dengan baik. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- *Al-Fawasil al-Mutamasilah*, iaitu penghujung kalimah yang mempunyai persamaan. Contohnya:
 وَالطُّورِ ① وَكَتَبَ مَسْطُورِ ② فِي رَقٍّ مَّنشُورِ ③
- *Al-Fawasil al-Mutaqaribah fi al-Huruf*, iaitu penghujung ayat yang berhampiran huruf. Contohnya huruf *mim* dan *nun* seperti: الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ④ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ⑤

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 216 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 91.20% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	38.43	9.72	6.94	7.87	14.35	5.09	8.80	2.31	1.39	2.78	2.31

RESPONS CALON

Komen am

Pencapaian keseluruhan menunjukkan kebanyakan calon berada pada tahap markah yang sederhana antara 30 markah hingga 50 markah. Calon yang menguasai fakta dengan baik dapat menjawab soalan yang dikemukakan dengan baik. Namun soalan bahagian A, *Hifz al-Quran* soalan 1 yang memerlukan calon berkemampuan mengingait ayat-ayat hafazan di awal muka surat. Walaupun begitu, bagi calon yang cemerlang, mereka dapat menjawab soalan dengan baik sekaligus membantu mereka memperolehi markah yang agak tinggi.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Hifz al-Quran*

Soalan 1

Soalan Ini meminta calon menulis ayat 1 hingga ayat 6 surah Qaf. Soalan ini ramai dijawab oleh calon, akan tetapi ada beberapa calon yang keliru ayat 1 dan ayat 2 bagi surah Qaf menyebabkan calon kehilangan markah. Kebanyakan calon mampu memberikan jawapan dengan tepat.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menyempurnakan ayat 21 hingga ayat 23, surah al-Hasyr. Kebanyakan calon yang sederhana dan cemerlang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon yang tidak menjawab dengan baik kerana soalan yang diberikan mempunyai jawapan yang menyerupai dengan ayat lain.

Soalan 3

Soalan 3(a) meminta calon menulis ayat 11 hingga ayat 16, surah Nuh. Soalan ini hanya beberapa calon memilih soalan ini untuk dijawab. Ini kerana kedudukan ayat agak tidak mesra dengan calon memandangkan banyaknya surah-surah yang perlu dihafaz pada semester 3. Namun begitu ada calon yang mampu memberikan jawapan dengan tepat.

Soalan 3(b) menghendaki calon menyempurnakan ayat 26 hingga ayat 28 dalam surah Nuh. Kebanyakan calon tidak memilih soalan ini. Namun terdapat segelintir calon menjawab dengan baik.

Soalan 4

Soalan 4(a) meminta calon menyambungkan surah al-Insyiqaq, ayat 7 hingga ayat 11. Kebanyakan calon dapat menyambung ayat tersebut, namun terdapat juga sebilangan kecil calon yang menyambung pada surah yang lain.

Soalan 4(b) menghendaki calon menyempurnakan surah al-Buruj, ayat 11 hingga ayat 17. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat segelintir calon menjawab dengan terlalu banyak kesalahan pada ejaan serta sambungan ayat yang tidak betul.

BAHAGIAN B: *Ulum al-Quran*

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan definisi *asbab al-Nuzul* dari sudut bahasa dan istilah. Sebahagian besar calon dapat menjawab hampir tepat dengan memberikan definisi *asbab al-Nuzul* dari sudut bahasa dan istilah iaitu dari sudut bahasa ialah sebab-sebab turunnya sesuatu ayat al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW. Dari sudut istilah berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat al-Quran pada hari berlakunya suatu peristiwa tersebut; atau turunnya satu ayat atau beberapa ayat al-Quran yang memperkatakan tentang sesuatu isu atau menjelaskan hukumnya pada hari berlaku sesuatu peristiwa; atau perkara atau peristiwa yang menjadi salah satu komponen bagi sebab turunnya sesuatu ayat al-Quran atau jawapan atau penjelasan tentang hukum pada hari berlakunya peristiwa tersebut.

Soalan 5(b) meminta calon menelaskan perbezaan maksud antara penurunan *satu ayat dengan pelbagai sebab dengan penurunan pelbagai ayat dengan satu sebab* berserta dengan contoh. Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan tepat dengan memberikan isi-isi penting maksud antara penurunan satu ayat dengan pelbagai sebab dengan penurunan pelbagai ayat dengan satu sebab berserta dengan contoh. Akan tetapi ada calon yang tidak memberikan perbandingan yang tepat malah tidak disertakan contoh-contoh dari ayat al-Quran. Jawapan yang baik bagi penurunan satu ayat dengan pelbagai sebab bermaksud terdapat lebih dari satu sebab bagi satu-ayat al-Quran yang sama diturunkan contohnya ayat *li'an* yang terjadi kepada Hilal Ibn Umayyah kepada isterinya, iaitu surah al-Nur, ayat 6 hingga ayat 9. Begitu juga ayat *qazaf* yang terjadi kepada Sayyidatina Aisyah RA. Al-Zamakhshari dalam penafsiran surah al-Humazah menyatakan bahawa surah ini diturunkan kerana sebab khusus, namun ancaman hukuman yang terkandung dalamnya adalah umum untuk semua orang yang melakukan kesalahan tersebut.

Maksud *penurunan pelbagai ayat dengan satu sebab* pula ialah ia menggambarkan masalah tersebut adalah sangat penting sehinggakan banyak ayat yang diturunkan dalam pelbagai surah. Contohnya hadis daripada Ummu Salamah yang diriwayatkan oleh At-Tarmizi dan Al-Hakim yang bermaksud

“Wahai Rasulullah saya tidak pernah mendengar Allah menyebut tentang orang perempuan sedikit pun mengenai Hijrah”. Maka Allah menurunkan ayat 195 surah Ali-Imran. Maksudnya: Maka Tuhan mereka berkenankan doa mereka (dengan firmanNya). Sesungguhnya aku tidak akan mensia-siakan amal orang-orang yang beramal diantara kamu sama ada lelaki atau perempuan.(surah Ali-Imran, 195)

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menerangkan pembahagian ayat *muhkamat* yang berikut:

- (i) *Mutlak*
- (ii) *Muqayyad*.

Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul bagi ayat *muhkamat mutlak*, namun sebahagian daripada calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat pada ayat *muhkamat muqayyad*. Berikut adalah jawapan yang betul:

- *Mutlak* ialah (bebas) dari berbagai pertimbangan kondisi atau lingkungan, jelas dan nyata.
- *Muqayyad* (terikat) dengan situasi dan kondisi tertentu, hanya diterapkan dalam waktu-waktu khusus.

Soalan 6(b) menghendaki calon menjelaskan tiga ciri-ciri ayat *mutasyabihat*. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan tepat ciri-ciri ayat *mutasyabihat*. Antara jawapan yang betul adalah:

- Ayat-ayat yang tidak semua manusia dapat memahaminya, kerana terdapat kesamaran pada makna ayat. (tidak jelas)
- Ayat-ayat *mutasyabihat* adalah ayat-ayat yang menuntut penelitian (*tahqiqat*)
- Ayat-ayat *mutasyabihat* yang maksudnya hanya dapat diketahui oleh orang-orang yang mendalam ilmunya.

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menyatakan pengertian *mutasyabihat al-Alfaz*. Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan tepat pengertian *mutasyabihat al-Alfaz* iaitu ayat yang mempunyai persamaan seluruh atau separuhnya di antara satu sama lain. Ayat ini kadang kala adalah sama keseluruhannya dan pada tempat yang lain ia berbeza hanya pada satu huruf sahaja.

Soalan 7(b) menghendaki calon menyatakan dalil al-Quran berkenaan *mutasyabihat al-Alfaz*. Kebanyakan calon dapat mengemukakan dalil yang betul bagi *mutasyabihat al-Alfaz*.

Soalan 7(c) menghendaki calon menjelaskan dua jenis *mutasyabihat al-Alfaz* berserta dengan contoh. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan betul bagi dua jenis *mutasyabihat al-Alfaz* berserta dengan contoh. Ramai di antara calon memberikan jawapan dengan mengemukakan tajuk *muhkamat* dan *mutasyabihat*. Jawapan yang betul bagi dua jenis *mutasyabihat al-Alfaz* iaitu:

- *Mutasyabihat* – Struktur ayat yang sama tetapi perkataan yang berlainan. Diganti dengan perkataan yang lain.
- *Mutasyabihat* – Dibuang kalimah atau dimasukkan kalimah yang baru
- Atau mana-mana contoh *mutasyabihat al-Alfaz* dari ayat al-Quran yang sesuai.

Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon menerangkan dua hikmah penurunan al-Quran dalam bentuk *sab'ah ahruf*. Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan yang tepat hikmah penurunan al-Quran dalam bentuk *sab'ah ahruf* iaitu:

- Memudahkan bacaan dan hafazan bagi sesuatu kaum yang *ummi*, yang setiap kabilahnya mempunyai dialek masing-masing, dan belum terbiasa menghafaz syariat.
- Ia merupakan satu tanda dan bukti yang menunjukkan pemeliharaan Allah SWT terhadap kitab suci al-Quran daripada sebarang perubahan dan penyelewengan.
- Ia boleh dijadikan hujah oleh sesebuah mazhab dalam mengukuhkan pendapat dan pegangan mereka, dan secara tidak langsung ia akan menjadikan segala amalan mereka bertepatan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Soalan 8(b) menghendaki calon mengemukakan tiga contoh yang menunjukkan terdapat bacaan *sab'ah ahruf* dalam al-Quran. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul dengan mengemukakan ayat al-Quran yang mengandungi bacaan *sab'ah ahruf*.

- Dibaca *Isbat* atau *hazaf alif*
- Dibaca dengan huruf *sad*, *sin* atau *Isymam*
- Dibaca dengan *iskan mim*, *silah mim* atau *dhommah* huruf *ha*

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan peranan *qiraat* dalam penentuan hukum sebagaimana terdapat dalam ayat yang bergaris di bawah:

(a) Surah al-Maidah, ayat 38:

(b) Surah al-Jumu'ah, ayat 9:

Hanya sebahagian kecil calon sahaja dapat menjawab dengan soalan ini dan seorang calon sahaja mendapat markah penuh sebanyak 10 markah. Kebanyakan calon tidak mampu memberikan jawapan seperti kehendak soalan. Kebanyakkan calon hanya mereka-reka jawapan. Jawapan yang dikehendaki adalah seperti berikut:

(a) Surah al-Maidah, ayat 38:

Maksudnya "pencuri lelaki dan pencuri perempuan, hendaklah dipotong tangan kedua-duanya".

Qiraat Ibn Mas'ud membaca dengan (فَاقْطَعُوا أَيْمَانَهُمَا) yang bermaksud "hendaklah dipotong tangan kanan kedua-dua mereka". Dalam hukum *fiqh*, jumhur ulama menyatakan bahawa tangan yang perlu dipotong adalah tangan kanan, namun sebahagian ulama yang lain tidak mensyaratkan "tangan kanan" kerana mereka berhujah dan beramal sebagaimana mafhum ayat yang sebenar.

(b) Surah al-Jumu'ah, ayat 9:

Qiraat (فَاسْعُوا) dibaca dengan (فَاصْضُوا) yang membawa maksud pergi, menggantikan perkataan (فَاسْعُوا) yang memberi makna berjalan dengan cepat.

Laporan Peperiksaan

STPM 2023



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (89120-H)



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)